

e-proceeding


Technology, Science, Social Science & Humanities
International Conference 2022

Tesshi



Reengineering
Knowledge &
Creativity for
Global Excellence

30
June



***E-PROCEEDINGS
TECHNOLOGY, SCIENCE, SOCIAL SCIENCES AND
HUMANITIES INTERNATIONAL CONFERENCE
TeSSH 2022***

**Reengineering Knowledge and Creativity
for Global Excellence**

Copy Editors:

***Nor Azrina Mohd Yusof (Dr.)
Lee Chai Chuen
Juaini Jamaludin
Normaziana Hassan***

**Papers presented online at
Technology, Science, Social Sciences and Humanities
International Conference 2022 (TeSSH 2022)
30 June 2022
UiTM Cawangan Kedah, Merbok
Kedah, Malaysia**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH

Copyright © 2022 is held by the owner/authors(s). These papers are published in their original version without editing the content.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Copy Editors/Layout :Nor Azrina Mohd Yusof (Dr.)
Lee Chai Chuen
Juaini Jamaludin
Normaziana Hassan

Cover Design :Asrol Hasan

eISBN : 978-967-2948-33-9

Published by : Universiti Teknologi MARA CawanganKedah,
08400 Merbok,
Kedah,
Malaysia.

Printed by : Perpustakaan Sultan Badlishah
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,
08400 Merbok,
Kedah,
Malaysia.

Foreword

The papers compiled in these e-proceedings are papers presented online at Technology, Science, Social Sciences and Humanities International Conference 2022 (TeSSH I 2022) held on 30 June 2022 at Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kedah, Malaysia. With the theme, ***Reengineering Knowledge and Creativity for Global Excellence***, the conference has brought together presenters of diverse background who shared their conceptual and empirical papers in broad areas that are subsumed under the fields of Technology, Science, Social Sciences and Humanities. These e-proceedings comprise current researches that were undertaken with the rigorous endeavour of knowledge enhancement to ensure that the world of academia will continue to flourish. It is thus hoped that readers will significantly benefit from knowledge contained in these proceedings.

TeSSH I 2022 and these e-proceedings would not have been possible without the great efforts from the presenters, and the generous support from the TeSSH I 2022 committee members and the Rector of UiTM Cawangan Kedah, Prof. Dr. Mohamad Abdullah Hemdi. A heartfelt gratitude is extended to all involved. It is hoped that these e-proceedings will be an impetus to stimulate further studies and research that benefit the society at large.

TABLE OF CONTENTS

1	A Conceptual Paper on Factors That Affect the Shariah Compliance Auditing Among the Islamic Financial Institutions in Malaysia	1
	Saifulrizan Norizan & Marjan Mohd Nor	
2	A Qualitative Study of Entrepreneurial Intention Among UiTM Kedah Accounting Students During Covid-19 Pandemic	8
	Mazlifa Md. Daud, Noora'in Omar, Muhammad Hariz Hamid, Mohd Hafiz Hashim & Anwar Johari	
3	A Review on By-Laws of Alor Setar City Council (MBAS)	21
	Nor Zaini Zainal Abidin, Nur Irinah Mohamad Sirat & Nurul Mazrah Manshor	
4	Accounting For Agriculture in Malaysia: A Special Attention to Aquaculture	27
	Saifulrizan Norizan, Mohd Halim Kadri, Zarina Abu Bakar & Juyati Mohd Amin	
5	Age-Friendly Environment for Older People: Challenges and Plans	34
	Noorlailahusna Mohd Yusof & Suziana Mat Yasin	
6	Aplikasi Inovasi E2 Kit 1.0 Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Litar Asas Elektrik	40
	Siti Rohaiza Zainol, Noor Aziana Abu Taib & Wan Nadirah Rosli	
7	Basic Of Differentiation Using Three Alternative Approach in Seberang Perai Polytechnic	50
	Siti Faridah Ismail, Rosila Adnan & Rohani Hamsan	
8	Bio Natural Food Seasoning from Eugenia Cephalanthum Using Dehydration Method	60
	Hidayah Julaihi, Theivya A/P Santhanasamy & Felicia Bong Lee Chen	
9	Cabaran dan Masa Depan Muzium Negeri Kedah	68
	Juaini Jamaludin	
10	Co-Integration Between Malaysia Stock Market, ASEAN and ASEAN Plus Three Countries During Pre and Post 14th Malaysia's General Election: A Short Run Analysis	72
	Anas Fathul Ariffin, Muhammad Akmal Hakim & Muhammad Hilmi Samian	
11	Computer Science Students' Learning Preferences, Mental Health, And Emotional Issues During Pandemic Covid-19 While Moving Towards Endemic	78
	Ahmad Faiz Ghazali, Noor Azrin Zainuddin, Ahmad Kamalrulzaman Othman & Yusnita Sokman	
12	Customer's Satisfaction: The Role of Food Quality, Service Quality and Ease of Website in Online Food Delivery	86
	Nur Afifah Aliah Husaini, Norhamizan Hamir, Rashid Salleh & Zamri Ahmad	
13	Digital inheritance: Legal Challenges in Malaysia	98
	Nor Azlina Mohd Nor & Ahmad Shamsul Abd Aziz	

14	Digital Literacy: Presentation Made Easy with ACE Alice Shanthi, Nur Izzah Jamil, Sheela Paramasivam, Siti Noor Dian Ahmad & Mohd Nur Fitri Mohd Salim	106
15	Diploma Students' Perceptions of Online Assessment: The Anchor That Holds Them in The ESL Classroom Jaqueline Susan Rijeng, Imelia Laura Daneil, Kimberley Lau Yih Long, Tang Howe Eng & Christine Jacqueline Runggol	115
16	Evolusi Tadbir Urus Dan Perundangan Wakaf Di Malaysia: Satu Analisis Rohayati Hussin, Mohd Zulharmey Abdullah, Afiffudin Mohammed Noor & Farahdina Fazial	125
17	Exploring Strategies to Reduce Adolescents' Involvement in Risky Behaviours from The Perspective Of A Probation Officer Lina Mursyidah Hamzah, Sharifah Muzlia Syed Mustafa, Nurul Fitriah Alias & Norazah Abdul Aziz	142
18	Factors That Lead to Poor Mental Health of Social Media User among UiTM Kedah Degree Students Nur Elisa Aqila Amir Yusrie, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	147
19	How The Covid-19 Pandemic Has Increased the Risk of Compulsive Buying Behaviour And Online Shopping Addiction For Apparel Purchasing In Malaysia: An Overview Of Generation Y And Generation Z Normaziana Hassan, Basitah Taif & Rosita Mohd Tajuddin	155
20	Hubungan Antara Impak Teknologi Maklumat Dan Budaya Organisasi Dalam Kalangan Kakitangan FRIM Nor Arinah Mohamed Zemudin, Muhammad Badri Ishak, Nurul Madiha Mohd Ilham & Wan Nur Syazmira Wan Suhaimi	168
21	Inhibiting Factors to Successful Virtual Teaching and Learning in Engineering Science Topic from the Perspectives of Polytechnic Lecturers Nurul Ain Saipudin, Noorul Amilin Saipudin & Nornazira Suhairom	174
22	Inovasi Sosial Melalui Program Akademik Intensif untuk Pelajar STPM Aliran Sains Tercicir Marinah Muhammad, Wong Hie Ling, Aainaa Syazwani Mohamad Amir Hamzah & NoorJanatun Naim Jemali	183
23	Investigating the Usefulness of TikTok as an Educational Tool in Learning Chemistry Nur Farha Shaafi, Mohammad Mubarrak Mohd Yusof, Nurul Nabilla Mohammad Khalipah & Norhazly Mohd Hanif	187
24	IPQUEUE: Indoor Premises Control Using Quick Response (QR) Code for Covid-19 Pandemic Mohd Suffian Sulaiman, Zuraidah Derasit & Sharizah Shahar	200

25	Kajian Arah Kiblat Liang Lahat Lama Bagi Tanah Perkuburan Islam Syed Idrus Syed Salim & Nor Asmadi Asri	213
26	Keberkesanan Kaedah Masa Hakiki Sistem Penentududukan Sejagat Dalam Penubuhan Stesen Kawalan Kerja Ukur Tanah Asiah Abdul Satar, Nor Azme Nordin & Sulzakimin Mohamed	220
27	Kesediaan Pensyarah Sains Kejuruteraan Dalam Pelaksanaan Mini Projek Secara Hibrid Di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah Nur Elyani Musa, Shamsul Arif Ismail & Azlina Hassan	229
28	Keunikan Partikel 'Lah' Dalam Terjemahan Surah Yasin di Malaysia Mohd Sufian Ismail & Anida Sarudin	238
29	LEVs As an Assessment Tool for Affective Domain In Laboratory Courses For Diploma In Civil Engineering Narita Noh, Noor Raifana Ab Rahim, Nur Zaidani Wati Mohd Darwis & Juwita Asfar	246
30	Measurements of Customer's Satisfaction towards Courier Services in Malaysia during Covid-19 among Students in UiTM Kedah Siti Nursyahirah Zaffendee, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	256
31	Measurements Of Depression Level Among Students in UiTM Kedah Adlin Mohd Anizam, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	264
32	Media Arts as An Art-Based Interventions in the Institutional Care Environment Raja Eda Shabina Raja Raimie, Mohammad Kamal Sabran & Nur Zaidi Azraai	270
33	Mengatasi Kesalahan Umum Yang Pelajar Lakukan Semasa Menjawab Soalan Peperiksaan Sains Kejuruteraan Nur Azilina Abdul Aziz, Koa Chee Hoon & Siti Aishah Azmi	279
34	Pelaksanaan Wakaf Air di Malaysia: Satu Tinjauan Tadbir Urus Dan Perundangan Nurul Mazrah Manshor, Rohayati Hussin, Syatirah Abu Bakar, Nur Irinah Mohamad Sirat & Salmah Roslim	288
35	Pembangunan MOOC Bagi Kursus Foundation Mandarin (Level II) Berpanduan Model ADDIE Ting Hie Ling	294
36	Pengaruh Budaya Merantau Terhadap Evolusi Seni Bina Rumah Tradisional Negeri Sembilan, Malaysia Mohamad Hanif Abdul Wahab, Azizi Bahauddin & Nor Aniswati Awang Lah	302
37	Pengesanan Graduan Kolej Komuniti Jelebu Ketika Pandemik Covid-19 Noor Aziana Abu Taib, Siti Rohaiza Zainol & Zainatul Fakhir Zainon	313
38	Penggunaan iPad Dalam Menambakbaik Interaksi Di Kalangan Pensyarah Dan Pelajar Bagi Kursus Matematik Kejuruteraan 1 Mohd Syukor Che Omar & Azlina Hassan	317

39	Penggunaan Video <i>YouTube</i> Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Mandarin: Satu Tinjauan Awal	328
	Lee Chai Chuen & Nor Azrina Mohd Yusof	
40	Penguatkuasaan Undang-Undang Dalam Menangani Penyalahgunaan Media Sosial di Malaysia	333
	Ahmad Shamsul Abd Aziz & Nor Azlina Mohd Nor	
41	Penyampaian Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran (Laboratory Work) Secara Atas Talian Terhadap Pembelajaran Pelajar Diploma Geomatik Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah	343
	Nur Aisah Ab Moin & Asiah Abdul Satar	
42	Pelaksanaan Ujian Pra Sebagai Alternatif Untuk Meningkatkan Pencapaian Markah Pelajar Bagi Kursus DBM20023 Matematik Kejuruteraan 2	351
	Siti Norhazlina Shafie & Rosila Adnan	
43	Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan E-Book Dalam Menyelesaikan Tugas Kajian Kes	359
	Farah Abdul Malek, Rohaida Abu Bakar & Liyana Murni	
44	Promoting Learner Autonomy Through Online Global Interactions Among ESL Students	365
	Sharina Saad, Rafidah Amat & Nor Asni Syahriza Abu Hassan	
45	Remote Learning in The Time of Post - Covid-19: The Conceptual Framework of An Interactive PdPR For Primary School Via Visual Basic Programming	380
	Aslina Omar, Samsiah Abdul Razak, Nur Insyirah Mohamad Radzi & Ini Imaina Abdullah	
46	Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	385
	Wee Kee Quan, Zamri Mahamod & Shamsul Aizuwani Nawi	
47	Stres Dan Kepuasan Kerja: Analisis Inferensi Faktor Gender Dan Status Perkahwinan Dalam Kepuasan Kerja Pensyarah IPG	397
	Punitha Muniandy, Khairani Zakariya, Azhar Mohd Ali & Ahmad Sukari Mohamad	
48	Student Satisfaction of Public Transportation at UiTM Kedah	408
	Muhammad Azizi Azizurrahim, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	
49	Sustainable Smart Retirement City: A Concept Paper	417
	Nazmi @ Nazni Noordin, Zaherawati Zakaria, Mohd Zool Hilmie Mohamed Sawal, Mohd Syahmizan Azmi & Adnan Aminuddin	
50	Teknik Retorik Lafaz-Lafaz Berkaitan Dengan Syaitan Dalam Al-Quran	425
	Muhamad Khairul Anuar Zulkepli, Burhanuddin Wahab, Ahmad Fauzi Yahaya & Mohd Zulkhairi Abd Hamid	
51	The Determinants and Impact of Social Media Content on Consumer Engagement	438
	Marha Abdol Ghapar, Azlina Shamsudin, Nazlin Emieza Ngah & Nur Dalila Adenan	

52	The Distraction That Affects Students Focus	446
	Nur Khalyda Kamarol Hisham, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	
53	The Effects of Varying the Duty Cycle to The Output Voltage in Buck Converter	455
	Nurhazwani Saleh	
54	The Impact of i-Pulih Model Towards Methamphetamine Addicts Recovery in PUSPEN Tampin, Melaka	462
	Muhammad Dhamir Audi Azizul, Wan Munira Wan Jaafar, Azlina Mohd Khir & Samir Muhazzab Amin	
55	The Implementation of National Education Assessment System in Malaysian Primary Schools	473
	Shanusi Ahmad, Nor Hasnida Che Md Ghazali & Mohd Nazir Md Zabir	
56	The Influence of Leadership Style on Lecturer's Performance	481
	Azlina Shamsudin, Nalin Emieza Ngah, Marha Abdol Ghapar & Nur Dalila Adenan	
57	The Internet Addiction (IA) Among Youth Generation	487
	Muhammad Arif Ikhwan Aminuddin, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	
58	The Relationship Between Curricular Activities Among Students' Leadership	493
	Syarifah Nur Bahirah Syed Jamalulil, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	
59	The Role Entrepreneurship Education in Moderating Intention to Be An Entrepreneur Among Students With Learning Disabilities In Malaysia	504
	Nazlin Emieza Ngah, Nur Dalila Adenan, Azlina Shamsudin & Marha Abdol Ghapar	
60	The Usage of Open Green Space (Planting Strip Area) at the Perimeter of Terrace House Unit by The Residents: Case Study in Taman Sinar Intan, Sungai Petani	511
	Mohd Zikri Mohd Zaki, Nurul Izzaty Zulkipli, Ahmad Faisol Yusof & Tajul Edrus Nordin	
61	The Use of Scaffolding in Helping Students Complete Tasks That Require Higher Order Thinking Skills	525
	Syakirah Mohammed, Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali, Robekkah Harun & Sharina Saad	
62	Time Passed and How Much Time Is Left? A Study on Motivation to Graduate on Time (GOT)	537
	Nur Dalila Adenan, Marha Abdol Ghapar, Nazlin Emieza Ngah & Azlina Shamsudin	
63	Underground Mapping for Islamic Mausoleum	546
	Syed Idrus Syed Salim, Nor Azme Nordin & Sulzakimin Mohamed	

Keunikan Partikel 'Lah' Dalam Terjemahan Surah Yasin Di Malaysia

Mohd Sufian Ismail

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
piye_cs@yahoo.com

Anida Sarudin

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
anida@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Terjemahan surah Yasin yang mempunyai pelbagai variasi di Malaysia serta menyaksikan kemampuan bahasa Melayu membawa mesej daripada bahasa Arab merupakan data yang menarik untuk penyelidikan. Kajian ini cuba menganalisis keunikan partikel 'lah' dalam terjemahan surah Yasin di Malaysia. Terjemahan surah Yasin melibatkan data dalam bentuk al-Quran dan naskah kecil. Analisis ini berbentuk deskriptif, iaitu dengan meneliti kekerapan penggunaan partikel 'lah' dan menghuraikannya berdasarkan dapatan analisis. Perisian Atlas ti 22 digunakan dalam proses analisis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan partikel 'lah' dapat dijadikan petunjuk bagi membezakan versi terjemahan. Selain itu, makna asal partikel 'lah', iaitu melembutkan arahan dan penanda kesantunan tidak memainkan peranan dalam terjemahan surah Yasin. Namun demikian, terdapat makna penegasan yang berkait dengan gaya bahasa Arab. Kajian ini diharapkan mengisi arus penyelidikan bahasa Melayu merentas disiplin dan memberi kebaikan kepada penyelidik pada masa hadapan.

Kata Kunci: Terjemahan, Surah Yasin, partikel 'lah', Atlas ti 22,

PENGENALAN

Dalam Idris Mansor (2019), aktiviti terjemahan al-Quran kepada bahasa Melayu telah dipelopori oleh Muhammad Ma'adah bin Layang seawal tahun 1917. Usaha ilmuan Islam terdahulu telah berjaya menghasilkan beberapa terjemahan al-Quran pada peringkat awal, iaitu Kamus Pelajaran menterjemah al-Quran (1975), Quran bergantung makna jawi; Bagi bacaan Anak-Anak Sehari-hari (1956), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30) Juz* (1970), Al-Quran Al-Karim; terjemahan dan huraian maksud (1992) dan beberapa lagi terjemahan lain. Perkembangan pada hari ini menyaksikan terjemahan al-Quran telah banyak diterbitkan di Malaysia dengan pelbagai ciri menarik. Selain itu, terdapat beberapa surah al-Quran yang diterbitkan secara khusus. Antaranya termasuklah surah Yasin. Amalan pembacaan surah Yasin di Malaysia juga mempengaruhi bilangan terjemahan surah Yasin dalam bentuk naskah kecil. Hal ini berlaku kerana bacaan surah Yasin pada malam Jumaat telah menjadi amalan bagi sebahagian besar masyarakat Malaysia. Selain itu, surah Yasin juga turut dibaca dalam majlis Tahlil di Malaysia. Walaupun terjemahan surah Yasin tidaklah dibaca dalam majlis-majlis tersebut, namun terjemahan al-Quran dan naskah surah Yasin yang dilengkapi dengan terjemahan membolehkan masyarakat Malaysia membaca dan cuba memahaminya pada bila-bila masa.

Terjemahan surah Yasin ini juga turut menggambarkan kemampuan bahasa Melayu untuk menterjemahkan maklumat daripada bahasa lain. Bahasa Melayu yang bersifat dinamik membolehkan beberapa serapan makna dan kata berlaku daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Proses terjemahan ini semestinya melibatkan pertembungan antara budaya Arab dengan

budaya Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap bahasa melambangkan budaya penutur masyarakat masing-masing. Salah satu unsur bahasa Melayu yang sering dikaitkan dengan budaya Melayu ialah partikel 'lah'. Jaafar (2015), dalam kajiannya ada mengatakan bahawa partikel 'lah' merupakan identiti kepada pelbagai bangsa di Malaysia. Penggunaan partikel ini dalam terjemahan surah Yasin juga turut berlaku. Sama ada penggunaannya dalam terjemahan berlaku secara sengaja atau tidak, penggunaannya dalam ujaran masyarakat Malaysia telah dianggap sebagai kelaziman dan berlaku secara tidak sengaja (Jaafar 2015).

LATAR BELAKANG

Kajian berkaitan surah Yasin juga menarik minat sarjana untuk menelitinya. Antaranya termasuklah Aghajani and Jalali (2019) yang melihat perbezaan terjemahan surah Yasin dalam bahasa Parsi dengan bahasa Inggeris. Mulyawan (2011) pula telah menelitinya berdasarkan gaya stilistik. Sidek et al. (2020) dalam kajiannya telah menganalisis struktur teks surah Yasin bagi membina formula untuk menghafal surah tersebut. Terdapat juga beberapa sarjana yang mengkajinya berdasarkan ilmu balaghah, antaranya termasuklah Abdul Rahman et al. (2019), Maulana (2019) Mulyawan (2011), Tika Fauziah (2020) dan Wan Rohani (2012). Kajian-kajian ini telah membuka ruang kepada penyelidik untuk meneliti penggunaan bahasa dalam terjemahan surah Yasin. dalam hal ini, partikel 'lah' dijadikan fokus utama kajian.

Kajian partikel 'lah' juga telah banyak dilakukan pengkaji namun tidak eksklusif pada partikel 'lah' semata-mata. Jika diperhatikan, partikel 'lah' membawa makna dan fungsi tertentu. Antaranya termasuklah meningkatkan atau merapatkan jarak sosial dan menunjukkan keakraban yang berfungsi dalam dimensi interpersonal (Tay et al., 2016), sebagai kaedah meluahkan perasaan dan fikiran, identiti pelajar dan alat untuk mengeratkan hubungan (Lee & Ahn, 2020), sebagai tanda kurang cekap dalam berbahasa Inggeris (Goh, 2016; Lee & Ahn, 2020), menunjukkan pengaruh kemelayuan, gambaran sikap penutur terhadap topik dan melengkapkan fungsi pragmatik (Jaafar, 2016), mengelakkan salah faham, makna kejengkelan, perasaan tidak puas hati, menunjukkan rasa kesal atau tidak bersetuju, sindiran, keramahan dan penegasan (Hoogervorst, 2018), mewujudkan persetujuan, penerimaan, sindiran, ketidaksetujuan, rasa kesal, cara untuk menyoal seseorang yang mempunyai darjat lebih rendah, perulangan, kebosanan, pujukan, ketidakpastian, marah, dan menghindari daripada berlakunya konflik (Hei, 2015), menjelaskan, menyatakan perselisihan, penolakan, percanggahan, kejengkelan, memujuk, mencadangkan dan menerima (Mohd Nor et al., 2015), membawa makna "Saya rasa anda boleh tahu apa yang ingin saya katakan" (Besemeres & Wierzbicka, 2003), membawa makna emosi, kesantunan, kejengkelan, sindiran, menyampaikan maklumat, tafsiran awal dan jaminan (Goddard, 1994), dan akhir sekali menegaskan, menarik perhatian, mewujudkan kesepakatan dan kerjasama dengan lawan bertutur (Gupta, 1992).

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian partikel 'lah' dengan menggunakan data terjemahan al-Quran masih memerlukan penyelidikan yang terperinci. Selain itu, kajian peluasan makna partikel 'lah' yang menyerap beberapa interpretasi makna bahasa asal mempunyai potensi untuk dilakukan. Hal ini berdasarkan kajian (Sulaiman & Abd. Rahman, 2017) yang menunjukkan wujud proses peluasan makna partikel 'lah' bagi membawa tugas pengkhususan. Saranan Sarudin and Jalaluddin (2017) agar kajian kata serapan yang memberi kesan kepada peluasan makna perlu juga diperluaskan dari aspek partikel 'lah' yang dilihat mewakili serapan makna pragmatik tertentu dalam bahasa sumber. Selain itu, (Abdul et al., 2020) turut menekankan konsep *tawkid* bahasa Melayu bersifat nahuan yang memerlukan kepada analisis yang lebih luas dengan melibatkan unsur penegasan dan pengkhususan apabila menterjemah fungsi partikel 'lah'. Berdasarkan kepada permasalahan ini, kajian bagi meneliti secara terperinci keunikan partikel 'lah' dalam terjemahan bahasa Melayu wajar dilakukan.

METODOLOGI

Kajian ini telah menggunakan enam naskah terjemahan al-Quran, satu terjemahan al-Quran digital dan dua naskah kecil terjemahan surah Yasin yang digunakan dalam majlis tahlil. berikut merupakan jadual data teks terjemahan yang digunakan.

Jadual 1 Jadual Data Teks Terjemahan Yang Digunakan


Jenis	Judul
Terjemahan Al-Quran	<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30) Juz (2010), Al-Quran Mushaf Malaysia Dan Terjemahan (2007) Al-Quran Al-Karim & Terjemahan Al-Kamil (2021) Al-Quran Al-Karim Mushaf Al-Farid (2017) Al-Quran Amazing 33 Panduan al-Quran untuk Hidup Anda (2016), Al-Quran Tajwid dan Terjemahan (2012)</i>
Digital	<i>Smart Quran</i>
Naskah Kecil Bagi	<i>Yaasin Terjemahan Tahlil & Doa (2008)</i>
Penggunaan Majlis Tahlil	<i>Surah Yasin Tahlil dan Doa Asma ul-Husna</i>

Surah Yasin yang mengandungi 83 ayat digunakan sebagai data. Surah Yasin juga dipilih sebagai data kajian kerana kandungan ayatnya yang tidak terlalu panjang dan tidak terlalu pendek serta mencukupi untuk analisis ini. Selain itu, kajian lepas yang banyak membincangkan berkaitan surah Yasin membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut berkaitan kajian dalam surah ini. Kajian ini telah menggunakan kaedah analisis deskriptif. Analisis ini dilakukan dengan menggunakan perisian ATLAS.ti 22. Menurut Soratto et al., (2020), perisian ATLAS.ti menawarkan cara yang terkini untuk meneroka data. Walau bagaimanapun, perisian ini tidak melakukan analisis data secara automatik sebaliknya perhubungan yang dibuat semasa proses analisis adalah berdasarkan keputusan penyelidik. Analisis ini melihat kekerapan partikel 'lah' dan menghuraikan kehadirannya berdasarkan konteks ayat. Selain itu, perbandingan kekerapan penggunaan partikel 'lah' antara beberapa terjemahan dari penerbit yang berbeza juga dilakukan bagi melihat perbezaan. Akhir sekali, kehadiran partikel 'lah' dihuraikan berdasarkan konteks ayat bahasa sumber.

DAPATAN KAJIAN


Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa persamaan dan juga perbezaan berkaitan dengan kehadiran partikel 'lah' dalam terjemahan surah Yasin. Dua kumpulan dapat dibina berdasarkan persamaan ini, iaitu satu kumpulan terdiri daripada *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30) Juz (2010), Al-Quran Mushaf Malaysia Dan Terjemahan (2007), Al-Quran Al-Karim & Terjemahan Al-Kamil (2021)* dan akhir sekali *Smart Quran* (Kumpulan ini seterusnya akan dirujuk sebagai "V1"). Kumpulan dua pula terdiri daripada *Al-Quran Al-Karim Mushaf Al-Farid (2017), Al-Quran Amazing 33 Panduan al-Quran untuk Hidup Anda (2016), Al-Quran Tajwid dan Terjemahan (2012), Yaasin Terjemahan Tahlil & Doa (2008), dan Surah Yasin Tahlil dan Doa Asma ul-Husna* (Kumpulan ini seterusnya akan dirujuk "V2"). Berikut merupakan gambar rajah yang menunjukkan persamaan dan perbezaan kumpulan tersebut.

Rajah 1 Persamaan Dan Perbezaan Penggunaan Partikel 'lah' Dalam Terjemahan



Dalam V1, penggunaan partikel 'lah' dalam ayat 6,18, 19, 24, 29, 46 dan 68 hanya berlaku khusus untuk kumpulan ini sahaja. Dalam "V2" pula, pengkhususan penggunaan partikel 'lah' berlaku pada ayat 38, 39, 40, 51, 63, 66 dan 67. Namun demikian, terdapat penggunaan partikel 'lah' yang menunjukkan persamaan sepenuhnya dalam kedua-dua versi, iaitu ayat 11, 13, 30, 21, 25, 26, 45, 47, 52, 79 dan 82. Terdapat juga penggunaan partikel 'lah' yang melibat satu atau dua perbezaan penggunaannya dala kedua-dua versi, iaitu pada ayat 12,15, 17, 22, 59, 61, 64, 69, 76, 81 dan 83. Persamaan penggunaan partikel 'lah' yang paling kurang berlaku pada ayat 8,53 dan 77. Akhir sekali, penggunaan partikel 'lah' yang dilihat tidak mewakili kumpulan masing-masing, sebaliknya hanya berlaku pada naskah tertentu berlaku pada ayat 33, 43, 48, 65, 70 dan 80, iaitu melibatkan *Al-Quran Al-Karim Mushaf Al-Farid (2017)*, *Yaasin Terjemahan Tahlil & Doa (2008)*, dan *Surah Yasin Tahlil dan Doa Asma ul-Husna*. Penggunaan partikel 'lah' dalam terjemahan surah Yasin seterusnya dilihat berdasarkan bentuk dan gaya bahasa yang digunakan daripada bahasa sumber. Berikut merupakan rajah penggunaan partikel 'lah' berdasarkan bentuk dan gaya bahasa al-Quran.

Rajah 2 Penggunaan Partikel 'lah' Berdasarkan Bentuk dan Gaya Bahasa Al-Quran



Berdasarkan rajah 2, partikel 'lah' digunakan dalam kedua-dua bentuk ayat (*kalam*), iaitu bentuk *Khabari* dan bentuk *Insyai*. Dalam bentuk *khabari*, partikel 'lah' digunakan dalam lima gaya, iaitu *qasr hakiki*, *qasr idafi*, *ibtida'i*, *talabi* dan *ingkari*. Dalam bentuk *insyai* pula, partikel 'lah' digunakan dalam tiga gaya, iaitu *amr lighorod*, *amr hakiki* dan *nida*. Bentuk dan gaya ayat ini pula mempunyai implikturnya, iaitu nasihat, melemahkan, penghormatan, menunjukkan keingkaran, menerangkan keadaan, peringatan, menghususkan, pengakuan, mempertegas, mengkhabarkan, menunjukkan kekuasaan Allah SWT, mencela/ mengancam/ menghina/ mengejek, dan akhir sekali penyesalan. Terdapat dua ayat yang berkongsi bentuk dan gaya bahasa, iaitu ayat 52 dan 61. Dapatan ini menunjukkan partikel 'lah' digunakan dalam pelbagai bentuk dan gaya bahasa dalam al-Quran. Perbincangan berkaitan dapatan ini akan dihuraikan pada bahagian seterusnya.

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan dalam rajah 1, dapat diperhatikan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan penggunaan partikel 'lah' dalam ayat bagi terjemahan surah Yasin. Penggunaannya pada ayat tertentu dapat menjadi penanda kepada identiti versi terjemahan. Teks terjemahan al-Quran di Malaysia yang kebanyakannya telah dialih bahasa dan dibuat semakan daripada terjemahan sedia ada dalam bahasa Indonesia (Idris Mansor, 2019:76) memungkinkan berlaku beberapa versi terjemahan teks al-Quran. Walaupun partikel 'lah' turut digunakan dalam masyarakat Indonesia (Aloojaha et al., 2018; Ary Setyadi, 2019; Djenar & Ewing, 2015; Nugroho et al., 2018), penggunaannya pada ayat tertentu dalam terjemahan surah Yasin dapat dibezakan dengan lebih khusus identitinya. Fungsi partikel 'lah' sebagai simbol identiti masyarakat ada dinyatakan dalam (Brown & Jie, 2014; Leimgruber, 2011; Jaafar, 2015; Tan, 1998), namun kebanyakan kajian melibatkan fungsi *code-switching*. Dalam kajian ini, terjemahan yang merujuk kepada V1 adalah

berdasarkan *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30) Juz (2010)*. Hal ini kerana hasil terjemahan ini telah dianggap sebagai teks terjemahan rasmi Malaysia (Mansor, 2019:75). Dalam V1, tiga naskah terjemahan al-Quran dilihat mempunyai persamaan penggunaan partikel 'lah' dengan *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, iaitu *Al-Quran Mushaf Malaysia Dan Terjemahan (2007)*, *Al-Quran Al-Karim & Terjemahan Al-Kamil (2021)* dan akhir sekali *Smart Quran*. Terjemahan V2 pula berdasarkan penggunaan partikel 'lah' yang berbeza dengan V1. Dalam V2, lima terjemahan surah Yasin menunjukkan persamaan penggunaan partikel 'lah', iaitu *Al-Quran Al-Karim Mushaf Al-Farid (2017)*, *Al-Quran Amazing 33 Panduan al-Quran untuk Hidup Anda (2016)*, *Al-Quran Tajwid dan Terjemahan (2012)*, *Yaasin Terjemahan Tahlil & Doa (2008)*, dan *Surah Yasin Tahlil dan Doa Asma ul-Husna*. Berdasarkan dapatan kajian juga, dapat diperhatikan bahawa naskah *Al-Quran Al-Karim Mushaf Al-Farid (2017)*, naskah *Yaasin Terjemahan Tahlil & Doa (2008)* dan naskah *Surah Yasin Tahlil dan Doa Asma ul-Husna* mempunyai penggunaan partikel 'lah' yang berkecuali daripada versi V2 yang lain, iaitu pada ayat 33, 43, 48, 65, 70 dan 80. Dapatan ini juga menunjukkan terjemahan surah Yasin dalam naskah kecil yang digunakan dalam majlis-majlis tahlil mempunyai kekerapan yang paling tinggi penggunaan partikel 'lah' berbanding terjemahan versi V2 yang lain.

Partikel 'lah' juga digunakan dalam kedua-dua bentuk ayat, iaitu *khabari* dan *insya'i*. Kedua-dua bentuk ayat ini menghasilkan pelbagai gaya bahasa. Dalam kajian ini, perbincangan hanya melibatkan bentuk *khabari*, iaitu gaya *talabi* dan *ingkari* yang melibatkan implikatur penegasan. Penggunaan partikel 'lah' dalam kedua-dua gaya ini bersesuaian dengan implikatur penegasannya, iaitu seseorang penutur yang berhadapan dengan pendengar ragu-ragu dan pendengar yang membantah terhadap maklumat yang disampaikan oleh penutur (Che Mat, 2018:97). Hal ini juga selaras dengan fungsi partikel 'lah' yang digunakan untuk mendapatkan penerimaan daripada pihak pendengar atau memujuk pihak pendengar agar menerima perkara yang disampaikan oleh penutur (Brown & Jie, 2014; Deuber et al., 2018; Leimgruber, 2011; Wong, 2004). Dalam penerangan ini, dapat diperhatikan bahawa implikatur penegasan berdasarkan ilmu balaghah mempunyai dua peringkat penegasan dan melibatkan pihak pendengar, iaitu merujuk kepada pendengar ragu-ragu dan pendengar yang membantah. Dalam kajian partikel 'lah' sedia ada pula, penegasannya melibatkan satu peringkat sahaja dan berada pada pihak penutur, iaitu usaha penutur untuk mendapatkan penerimaan pendengar. Walaupun terdapat perbezaan dalam huraian berkaitan implikatur penegasan, namun kehadiran partikel 'lah' dalam kedua-dua gaya bahasa ini bersesuaian dengan fungsi asalnya. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa isi hati dan perasaan yang diluahkan mempunyai asas yang sama walaupun berbeza bahasa (Abd. Rahman et al., 2019). Ketiadaan partikel yang sama makna dengan partikel 'lah' dalam bahasa Arab tidak semestinya melambangkan makna dan fungsinya tidak hadir dalam bahasa berkenaan. Sebaliknya, makna berkenaan disampaikan dengan cara yang berlainan, iaitu dalam bentuk gaya bahasa.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat beberapa keunikan penggunaan partikel 'lah' dalam terjemahan surah Yasin, iaitu sebagai pembeza kepada versi terjemahan dan juga kesesuaiannya dengan implikatur penegasan berdasarkan bahasa sumber. Kajian ini juga menjelaskan bahawa terdapat persamaan perasaan hati dalam diri manusia walaupun berbeza bahasa. Namun demikian, cara penyampaian perasaan hati berkenaan berbeza berdasarkan bahasa berkenaan. Selain itu, partikel 'lah' yang membawa makna kesantunan tidak ditemukan dalam keseluruhan dapatan kajian ini. Hal ini menunjukkan bahawa asimilasi budaya bahasa sasaran ke dalam bahasa sumber tidak berlaku dalam proses terjemahan, sebaliknya budaya bahasa sumber cuba disampaikan dan beberapa makna baharu daripada bahasa sumber diserap melalui terjemahan menggunakan partikel 'lah'.

RUJUKAN

- Abdul Rahman, M. S., Hussin, M. N., Daoh, M., Ghazali, A. R., Ismail, M. R., Mohd Pisol, M. I., Zainal Abidin, S., Mahdi Yusuf, S. A., & Salahuddin, N. (2019). the Understanding of Hadhf-Al-Kalimah-Type Verses in Surah Yasin Among the Takmir Teachers in Selangor. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 278–293. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.280021>
- Abdul, A.R., Twahir, W. & Kamal. M.H. (2020). Retorik Mubalaghah dalam Taukid Kiasan Bahasa Melayu. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian*, 5 (November), 69–82. <http://conference.kuis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak5/ID019.pdf>
- Aghajani, M., & Jalali, G. S. (2019). A Comparative Study of Three English Translations of Yasin Surah Regarding Vinay and Darbelnet Strategies. *International Journal of English Language Teaching*, 6(1), 36. <https://doi.org/10.5430/ijelt.v6n1p36>
- Aloojaha, A., Nababan, M. R., & Djatmika, D. (2018). The Impact of Translation Techniques on Shifting Meaning of Ordering Speech Act. *Lingua Cultura*, 12(3), 279. <https://doi.org/10.21512/lc.v12i3.4301>
- Sarudin, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2017). *Analisis Semantik Kognitif Kata Serapan Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman, A.S & Abd. Rahman. M.Z. (2017). Analisis Penggunaan Pengkhususan dalam Bahasa Melayu Mengikut Perspektif Gaya Bahasa Arab. *Asia Pacific Online Journal of Arabic Studies*, 2(1), 1–15.
- Setyadi, A. (2019). Sifat Pragmatis Partikel Lah dalam Kalimat Perintah. *Nusa Jurnal Bahasa Dan Sastra*, 13(9), 110–118. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Brown, D. W., & Jie, T. S. (2014). Singapore English and styling the Ah Beng. *World Englishes*, 33(1), 60–84. <https://doi.org/10.1111/weng.12070>
- Deuber, D., Leimgruber, J. R. E., & Sand, A. (2018). Singaporean internet chit chat compared to informal spoken language*. *Journal of Pidgin and Creole Languages*, 33(1), 48–91. <https://doi.org/10.1075/jpcl.00002.deu>
- Djenar, D. N., & Ewing, M. C. (2015). Language varieties and youthful involvement in Indonesian fiction. *Language and Literature*, 24(2), 108–128. <https://doi.org/10.1177/0963947015573387>
- Mansor, I. (2019). Terjemahan Al-Quran Dalam Bahasa Melayu. In Idris Mansor (Ed.), *Isu-Isu Dalam Terjemahan Arab-melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leimgruber, J. R. E. (2011). Singapore English. *Linguistics and Language Compass*, 5(1), 47–62. <https://doi.org/10.1111/j.1749-818X.2010.00262.x>
- Maulana, D. (2019). Analisis Kalimat Perintah (Amr) Pada Surah Yāsīn Dalam Terjemahan Al-Qur'an Bacaan Mulia Hbj. *ALSUNIYAT: Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra, Dan Budaya Arab*, 2(1), 1–14. <https://doi.org/10.17509/alsuniyat.v2i1.24348>
- Jaafar, M.J. (2015). Gaya Peralihan Kod dalam Kesusasteraan Multilingual di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Alam Dan Tamadun Melayu*, 3(3), 49–57. <https://doi.org/10.17576/iman-2015-0303-05>

- Abd. Rahman. M.Z., Hussin. M., & Mezah. C.R. (2019). *Pengantar Balaghah Bahasa Melayu berpanduan Balaghah Arab*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mulyawan, S. (2011). Studi Ilmu Ma'Ani (Stylistic) Terhadap Ayat-Ayat Surat Yasin. *Holistik*, 12. <https://doi.org/10.24235/holistik.v12i2.96>
- Nugroho, M., Purnanto, D., & Tarjana, S. S. (2018). The Realization of Directive Speech Act by Da'i on Dialogic Da'wah in Kota Surakarta: A Socio-Pragmatic Study. *KOMUNITAS: International Journal of Indonesian Society and Culture*, 10(1), 14–24. <https://doi.org/10.15294/komunitas.v10i1.12930>
- Sidek, H. M., Saleh, M. H., & Husin, H. (2020). Thematic-based text structure analysis as a function of text memorization: Surah Yasin. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 28(3), 2405–2425.
- Soratto, J., Pires, D. E. P. de, & Friese, S. (2020). Thematic content analysis using ATLAS.ti software: Potentialities for researches in health. *Revista Brasileira de Enfermagem*, 73(3), e20190250. <https://doi.org/10.1590/0034-7167-2019-0250>
- Tan, P. (1998). Malay loan words across different dialects of English. *English Today*, 14(4), 44–50. <https://doi.org/10.1017/S026607840001052X>
- Tika, F. (2020a). *KALÂM INSYÂ'Î THALABÎ DALAM SURAH YÂSÎN* (Studi (Vol. 43, Issue 1). https://online210.psych.wisc.edu/wp-content/uploads/PSY-210_Unit_Materials/PSY-210_Unit01_Materials/Frost_Blog_2020.pdf%0Ahttps://www.economist.com/special-report/2020/02/06/china-is-making-substantial-investment-in-ports-and-pipelines-worldwide%0Ahttp://
- Tika, F. (2020b). *Kalam Insya'i Thalabi dalam Surah Yasin* (Studi Analisis Tafsir al-Kasyaf Karya az-Zamakhshari (w.538 H)) [Tesis Sarjana, Institut Ilmu Al-Quran, Jakarta.]. <http://repository.iig.ac.id/handle/123456789/1060>
- Wan Rohani, W.M. (2012). *Penggunaan uslub khabari dalam Al-Quran: Kajian terhadap Surah Yasin* [Tesis Sarjana, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.]. <http://studentsrepo.um.edu.my/5149/>
- Wong, J. (2004). The particles of Singapore English: a semantic and cultural interpretation. *Journal of Pragmatics*, 36(4), 739–793. [https://doi.org/10.1016/S0378-2166\(03\)00070-5](https://doi.org/10.1016/S0378-2166(03)00070-5)